



MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN

**YANG BERUSAHA ENCIK ANUAR BIN YUSOFF
AHLI MAJLIS
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**

SEMPENA

**MAJLIS PERASMIAN PROGRAM MBSP SANTUNI
KOMUNITI MADANI**

TARIKH / MASA / TEMPAT

25 OGOS 2024 (AHAD)

10.30 PAGI

DEWAN PERSATUAN PENDUDUK TAMAN SENTUL JAYA

Terima kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis

YB En. Gooi Hsiao Leung

ADUN Bukit Tengah

Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Rakan-Rakan Media

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian

.....

1. Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah S.W.T. yang telah melimpahkan rahmat dan hidayahnya untuk kita dapat bersama-sama berkumpul pada pagi ini dalam **Majlis Perasmian Program MBSP Santuni Komuniti Madani.**
2. Terlebih dahulu saya juga ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada urusetia penganjur dan semua yang terlibat kerana bertungkus lumus menganjurkan dan menjayakan program istimewa pada hari ini.

3. Majlis Bandaraya Seberang Perai amat komited dalam merangka strategi ke arah mewujudkan program-program komuniti dalam kalangan penduduk Seberang Perai. Program MBSP Santuni Komuniti Madani ialah program yang julung kalinya diadakan oleh Majlis Bandaraya Seberang Perai dengan kerjasama Ahli Majlis Kawasan bersama penduduk setempat.

4. Program MBSP Santuni Komuniti Madani ini bertujuan untuk memupuk semangat komuniti di kalangan penduduk setempat. Selain itu, dengan adanya program sebegini, ia dapat

mengeratkan hubungan silaturahmi antara MPKK, pihak MBSP dan penduduk.

5. Program ini mensasarkan penglibatan seramai 300 orang penduduk sekitar. Antara program yang diadakan pada harini ialah :
 - i. pemeriksaan kesihatan,
 - ii. pameran-pameran dari agensi kerajaan,
 - iii. program jualan Agromadani
 - iv. perkhidmatan kaunter bergerak MBSP; dan
 - v. pertandingan mewarna serta pertandingan pakaian beragam

6. Pada hari ini, saringan kesihatan glukosa dan kolestrol secara percuma akan diberikan / dilakukan kepada 100 pengunjung (penduduk) yang terawal hadir. Perkhidmatan pemeriksaan mata juga disediakan di booth pameran bersebelahan.

7. Selain itu, pertandingan pakaian beragam dan pertandingan mewarna juga diadakan. Bagi pertandingan mewarna, seramai 30 orang kanak-kanak mengambil bahagian dalam setiap kategori. Tema pertandingan mewarna adalah berkaitan dengan Hari Kemerdekaan. Sijil penyertaan turut disediakan kepada semua

peserta bagi pertandingan mewarna dan pakaian beragam.

8. Untuk makluman tuan-tuan dan puan-puan, Unit Klinik, Jabatan Perkhidmatan Kesihatan MBSP mengadakan program Suntikan Anti-Tifoid. Suntikan ini diberikan kepada pengendali-pengendali gerai makanan untuk mencegah penyakit tifoid atau demam kepialu. Tuan-tuan dan puan-puan boleh dapatkan suntikan ini dengan kadar bayaran RM75.00 bagi warganegara dan RM105.00 untuk bukan warganegara.

9. Diharapkan Program MBSP Santuni Komuniti Madani ini dapat mewujudkan perpaduan kaum yang harmoni dan dapat mengeratkan silaturahim antara satu sama lain.

10. Syabas dan Tahniah saya ucapkan kepada pihak penganjur dan urusetia atas usaha yang dilaksanakan ini dan berharap warga Seberang Perai akan terus menyokong program-program yang dianjurkan oleh pihak MBSP dari semasa ke semasa.

Sekian, terima kasih.

Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.